

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]
TARIKH : 27 OKTOBER 2016
SOALAN :

YB Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan membina klinik kesihatan di Pulau Tigabu, Banggi memandangkan projek ini telah diumumkan oleh Timbalan Menteri Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat peka terhadap keperluan rakyat negeri Sabah di kawasan pedalaman seperti di Pulau Tigabu yang tiada alternatif lain untuk mendapatkan rawatan kesihatan. Perancangan pembangunan sebuah klinik di pulau ini telah bermula seawal tahun 2010 dengan permohonan tapak tanah dari Jabatan Tanah Daerah.

Pada peringkat permulaan, proses pengambilan tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu selaras dengan polisi Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri. Namun sehingga kini pejabat tanah belum

mengemukakan cadangan secara rasmi tapak dengan lokasi dan keluasan yang bersesuaian untuk proses pengambilan tanah berkenaan.

Pada masa yang sama, KKM juga sedang meneliti cadangan pembinaan bangunan klinik sementara dengan menggunakan peruntukan pembangunan sedia ada. Walau bagaimanapun, isu keperluan perjawatan perlu diselesaikan terlebih dahulu sebelum projek ini dapat dilaksanakan.